

Pengilang diberi tempoh tingkatkan keluaran gula

Setakat ini kita tidak akan melonggarkan import lagi tetapi sekiranya jaminan pengilang tak dapat beri kesan, maka kita terpaksa memikirkan langkah tersebut

**NAJIB
TUN RAZAK
Timbalan
Perdana
Menteri**

Oleh **HABIBAH OMAR**

PUTRAJAYA 26 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan memberi tempoh kepada pengilang untuk mengotakan janji mereka bagi meningkatkan pengeluaran gula di pasaran.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sekiranya langkah berkenaan tidak berkesan, kerajaan akan mengambil langkah melonggarkan pengimportan gula.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan berapa lama masa diberikan kepada pengilang.

"Saya telah jumpa Wakil pengilang gula dan mereka beri jaminan akan tingkatkan pengeluaran gula sehinggalah tiada kekurangan. Kalau ada apa-apa kekurangan beritahu mereka- mereka akan hantar bekalan ke kawasan tersebut.

"Jadi saya pegang pada janji mereka dan setakat ini kita tidak akan melonggarkan im-

port lagi tetapi sekiranya jaminan mereka itu tak dapat berkesan, maka kita terpaksa memikirkan langkah sedemikian (import gula)," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Perhutanan Negara (MPN) Ke-20 di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

Mengulas lanjut, Najib berkata, kerajaan sedang memantau pengeluaran gula selain mengambil beberapa langkah mengatasi masalah kekurangan gula.

Langkah berkenaan, katanya, termasuk mengenakan harga kawalan kepada gula halus dan menggunakan kapal milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk menghantar bekalan gula ke Sabah dan Sarawak.